KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 23/9/2021 (KHAMIS) | MUKA SURAT | : | 25 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

## 2,000kg karkas babi hutan dirampas

Sinar, 23 Sept 2021_25

**RANTAU PANJANG** - Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan merampas karkas babi hutan seberat 2,000 kilogram (kg) selepas menahan seorang lelaki di Kampung Degong, Telaga Mas di sini pada Selasa.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA Kuantan, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki berusia 37 tahun itu ditahan pada jam 9 malam ketika sedang memandu sebuah van dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, selepas ditahan, anggota PGA melakukan pemeriksaan di dalam van dan menjumpai karkas babi hutan seberat 2,000kg.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dianggarkan berjumlah RM58,000.

"Kes disiasat bawah Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Katanya, siasatan awal mendapati barangan itu akan diseludup menggunakan laluan tidak diwartakan oleh kerajaan.



Karkas babi hutan seberat 2,000kg yang dirampas di Rantau Panjang pada Selasa.